



کتوا حاکیم شرعی

KETUA HAKIM SYARIE
Aras 5, Mahkamah Syariah Perak,
Jalan Tan Sri Hj Harussani,
30100 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.

Tel: 05-5018402
Faks: 05-5018540
Emel: khsperak@esyariah.gov.my

Ruj. Kami: JKSPk 600-1/2/4 Jld. 2 ()

Tarikh: 11 Rabiulakhir 1446 H
14 Oktober 2024 M

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Utama Syariah
Perak Darul Ridzuan

Y.A.A Pengerusi Mahkamah Rayuan Syariah
Perak Darul Ridzuan

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan Syariah
Perak Darul Ridzuan

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
Perak Darul Ridzuan

Y. Bhg. Tuan Ketua Pendaftar Mahkamah Utama Syariah
Perak Darul Ridzuan

Tuan/Puan Hakim-Hakim Mahkamah Rendah Syariah
Perak Darul Ridzuan

Pendaftar-Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah
Perak Darul Ridzuan

Penolong-Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah
Perak Darul Ridzuan

Arahan Amalan
Ketua Hakim Syarie Negeri Perak
No. 6 Tahun 2024

Keperluan Mengendorskan Semula (Baharu)
Perintah atau Penghakiman Kes Mal
yang Dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah yang Kompeten
Sebelum Dilaksanakan Atau Dikuatkuasakan Dalam Negeri Perak

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A / Y.A / Tuan / Puan kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Arahan Amalan Ketua Hakim Syarie Perak pada 27 September 2024 dan berdasarkan peruntukan seksyen 45 Enakmen Mahkamah Syariah (Perak) 2018, saya mengeluarkan arahan ini berhubung dengan keperluan mengendorskan semula (baharu) perintah atau penghakiman kes Mal yang dikeluarkan oleh mana-

mana Mahkamah Syariah yang kompeten sebelum dilaksanakan atau dikuatkuasakan semula (baharu) di Negeri Perak selaras dengan perubahan tempat pemastautinan pihak-pihak dalam Negeri Perak. Garis panduan bagi permohonan pengendorsan semula (baharu) tindakan bersaling bagi perintah atau penghakiman Kes Mal adalah seperti di lampiran.

Arahan amalan ini berkuatkuasa serta merta.



(YAA DATO' HJ. AB. RAHMAN THOBRONI BIN HJ. MOHD MANSOR)

Ketua Hakim Syarie

Jabatan Kehakiman Syariah

PERAK DARUL RIDZUAN

s.k:

- i. Y.B Penasihat Undang-Undang Negeri Perak
- ii. Pegawai Undang-Undang Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
- iii. Ketua Pendakwa Syarie Negeri Perak
- iv. Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Negeri Perak
- v. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan Keluarga JAIPk
- vi. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Agama JAIPk
- vii. Penolong Pengarah Bahagian Sokongan Keluarga
- viii. Peguam-Peguam Syarie Negeri Perak

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN
PENGENDORSAN SEMULA (BAHARU) TINDAKAN BERSALING BAGI
PERINTAH DAN PENGHAKIMAN KES MAL**

BAHAGIAN I - NAMA DAN PEMAKAIAN

1. (1) Garis Panduan ini bolehlah dinamakan sebagai Garis Panduan Permohonan Pengendorsan Semula (Baharu) Tindakan Bersaling bagi Perintah dan Penghakiman Kes Mal.

(2) Garis Panduan ini hendaklah terpakai kepada semua kes mal di bawah Akta/ Enakmen/ Ordinan Pentadbiran Agama Islam/ Pentadbiran Undang-Undang Islam atau Enakmen/ Ordinan Mahkamah Syariah Negeri-Negeri yang berkuat kuasa yang —

- (a) perintah atau penghakiman diluluskan sebelum tarikh kuatkuasa Arahan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia No.4 Tahun 2021 yang tiada perubahan matan atau terma dan perlu disampaikan dan / atau dilaksanakan semula dalam negeri Perak kerana perubahan pemastautinan pihak-pihak; atau
- (b) pihak-pihak bagi perintah atau penghakiman asal kes Mal yang tiada perubahan matan atau terma telah dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah yang kompeten kini telah mengubah pemastautinannya di Negeri Perak dan perlu disampaikan dan / atau dikuatkuasakan secara bersaling dalam Negeri Perak; atau
- (c) pihak majikan atau mana-mana agensi yang bertanggung dengan perintah atau penghakiman yang dikeluarkan terhadap pihak-pihak di perenggan (a) atau (b) berada dalam negeri Mahkamah Syariah yang kompeten bagi tujuan penyampaian dan / atau pelaksanaan perintah atau penghakiman kes Mal yang telah dikeluarkan.

BAHAGIAN II – TAFSIRAN

2. Dalam Garis Panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"Hakim" atau "Hakim Syarie" ertinya seseorang Hakim Mahkamah Tinggi Syariah atau Hakim Mahkamah Rendah Syariah mengikut mana-mana berkenaan, yang dilantik di bawah Akta / Enakmen / Ordinan Pentadbiran Agama Islam /

Pentadbiran Undang-Undang Islam atau mana-mana undang-undang bertulis negeri yang berkenaan;

"Perintah Bersaling" ertinya tindakan bersaling di bawah Akta/ Enakmen/ Ordinan Pentadbiran Agama Islam/ Pentadbiran Undang-Undang Islam atau Akta/ Enakmen/ Ordinan Mahkamah Syariah yang berkuat kuasa;

"Pendaftar" ertinya mempunyai maksud yang sama yang diberikan di bawah seksyen 3 Akta/ Enakmen/ Ordinan Tatacara Mal atau mana-mana undang-undang bertulis negeri yang berkenaan;

"Mahkamah yang Mengeluarkan Perintah Asal" ertinya Mahkamah yang mengeluarkan perintah asal sesuatu tuntutan/ permohonan; dan

"Mahkamah yang Menerima Perintah Asal" ertinya Mahkamah Syariah yang kompeten mengendors perintah asal, menyampaikan dan melaksanakan perintah ke atas defendan/ responden.

BAHAGIAN III - PROSES KERJA

AKTIVITI I: Mahkamah yang menerima permohonan perintah bersaling
(Mahkamah Syariah Perak yang kompeten melaksanakan penyampaian perintah/
penghakiman)


TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN	CATATAN
Pemohon	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memfailkan 2 permohonan di Mahkamah Syariah yang kompeten menyampaikan dan / atau melaksanakan perintah / penghakiman terhadap pihak-pihak berserta dokumen-dokumen berikut: <ol style="list-style-type: none"> i. Notis Permohonan (MS 3); ii. affidavit; dan iii. ekshibit (perintah/ penghakiman asal yang dipohon untuk diendors). 2. Membayar fi pendaftaran yang ditetapkan termasuk fi bagi tujuan penyampaian perintah (jika berkaitan) kepada pihak-pihak. 	<p>Permohonan dijalankan secara sebelah pihak</p> <p>Prosiding ini berlangsung di Mahkamah Syariah yang kompeten mengendors perintah asal, menyampaikan dan melaksanakan perintah ke atas pihak-pihak</p>
Pendaftar	<ol style="list-style-type: none"> 3. Memastikan dokumen pemohon lengkap dan mendaftarkan kes dengan menggunakan kod Permohonan Perintah Bersaling. 4. Menetapkan tarikh pendengaran di hadapan Hakim Syarie dalam tempoh 18 hari. 5. Membuka fail kes. 6. Menyediakan: <ol style="list-style-type: none"> i. Draf Perintah Bersaling (<i>Borang A</i>); dan ii. Draf Borang Pengendorsan Perintah Bersaling (<i>Borang B</i>). 7. Menyerahkan kembali kepada pemohon salinan permohonan yang telah dimaterai dengan maklumat tarikh pendengaran di hadapan Hakim Syarie. 	<p>Prosiding ini berlangsung di</p> <p>Mahkamah Syariah yang kompeten mengendors perintah asal, menyampaikan dan melaksanakan perintah ke atas pihak-pihak</p>

TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN	CATATAN
Hakim	<p>7. Mendengar dan membicarakan kes dengan memastikan:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Perintah asal adalah betul dan tiada perubahan matan atau terma; ii. Pihak-pihak atau agensi yang bertanggung yang hendak disampaikan / dilaksanakan perintah / penghakiman berada dalam bidang kuasanya; dan iii. Terma dalam perintah asal adalah dalam bidang kuasanya. <p>8. Meluluskan permohonan jika berpuas hati.</p> <p>9. Membuat pengendorsan serta tandatangan ke atas:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Perintah Bersaling (<i>Borang A</i>); dan ii. Borang Pengendorsan Perintah Bersaling (<i>Borang B</i>). 	<p>Prosiding ini secara sebelah pihak di Kamar Hakim Bicara. Prosiding ini berlangsung di Mahkamah Syariah yang kompeten mengendors perintah asal, menyampaikan dan melaksanakan perintah ke atas defendan/ responden.</p>
Pendaftar	<p>10. Memastikan dokumen tersebut lengkap:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Perintah Bersaling (<i>Borang A</i>); dan ii. Borang Pengendorsan Perintah Bersaling (<i>Borang B</i>). <p>11. Merekodkan butiran dalam <i>Borang Rekod Perintah Bersaling yang Dikeluarkan</i> perkara-perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Tarikh Daftar Permohonan Perintah Bersaling; ii. No. Kes Permohonan Perintah Bersaling; iii. Tarikh Perintah Bersaling diendorskan; iv. Nama Mahkamah yang Mengeluarkan Perintah Asal; v. No. kes perintah asal; dan vi. Tarikh perintah asal. 	<p>Prosiding Ini berlangsung di Mahkamah yang kompeten mengendors perintah asal, menyampaikan dan melaksanakan perintah ke atas defendan/ responden.</p>

TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN	CATATAN
Pendaftar/Penghantar Notis	<p>12. Menyerahkan kepada pemohon/ Peguam Syarie pemohon dokumen-dokumen seperti yang berikut;</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Perintah Bersaling (<i>Borang A</i>); ii. Borang Pengendorsan Perintah Bersaling (<i>Borang B</i>); dan iii. Salinan Perintah Asal <p>13. Menyampaikan kepada pihak-pihak (yang memerlukan penyampaian / pelaksanaan – jika berkaitan) dokumen berikut;</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Perintah Asal; ii. Perintah Bersaling (<i>Borang A</i>) dan iii. Borang Pengendorsan Perintah Bersaling (<i>Borang B</i>). 	

BAHAGIAN IV - CARTA ALIR

AKTIVITI I: Mahkamah yang akan menerima permohonan perintah bersaling
(Mahkamah Syariah Perak yang kompeten melaksanakan penyampaian perintah / penghakiman)

TANGGUNGJAWAB	CARTA ALIR	DOKUMEN/ CATATAN
Pemohon / Pendaftar	 <p>Pemohon fail permohonan di Mahkamah yang kompeten untuk sampaikan / laksanakan (selaraskan dengan proses kerja) perintah/penghakiman kepada pihak-pihak berserta dokumen lengkap.</p> <p>Semak dokumen</p> <p><i>Lengkap: Buka fail dan daftar permohonan</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> i. Notis permohonan (MS3) ii. Afidavit iii. Ekshibit (perintah/penghakiman asal yang dipohon untuk diendors) iv. Fi yang ditetapkan (termasuk fi penyampaian perintah/penghakiman kepada pihak-pihak)
Pendaftar	<p>Tetapkan tarikh pendengaran, sediakan draf perintah bersaling dan draf Borang Pengendorsan Perintah Bersaling. Serahkan fail dan dokumen lengkap kepada Hakim.</p> <p>Kembalikan salinan permohonan berserta tarikh bicara kepada pemohon</p>	<ul style="list-style-type: none"> i Fail lengkap yang mengandungi i, ii dan iii di atas. ii. Draf Perintah Bersaling (Borang A), draf Borang Pengendorsan Perintah Bersaling (Borang B). iii. Daftar permohonan dalam sistem dengan guna kod: Permohonan Perintah Bersaling. iv. Notis kehadiran kepada pemohon.
Hakim	<p>Mendengar permohonan dan bicara permohonan secara sebelah pihak dengan kehadiran pemohon</p> <p style="text-align: center;">A</p>	<p>Prosiding di kamar Hakim Bicara</p>

TANGGUNGJAWAB	CARTA PROSES	DOKUMEN/ CATATAN
Hakim	<pre> graph TD A((A)) --> B{Berpuas hati?} B -- Ya --> C[Hakim tandatangan i. Perintah bersaling (Borang A) ii. Borang pengendorsan (Borang B)] B -- Tidak --> B C --> D[Pendaftar rekodkan dalam Borang Rekod Perintah Bersaling.] D --> E[Serahkan Borang A, Borang B yang lengkap kepada pemohon] E --> F([Tamat]) </pre>	<p>Hakim memuaskannya dengan pastikan:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Perintah asal adalah betul; ii. pihak yang perlukan penyampaian/pelaksanaan berada dalam bidang kuasanya iii. Terma perintah asal tiada perubahan. <p>Dokumen:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Borang A ii. Borang B
Pendaftar	<p>Pendaftar rekodkan dalam Borang Rekod Perintah Bersaling.</p> <p>Serahkan Borang A, Borang B yang lengkap kepada pemohon</p>	<p>Pendaftar rekodkan butiran permohonan yang diluluskan dalam Borang Rekod Perintah Bersaling.</p> <p>Pendaftar serahkan Borang A dan Borang B kepada pemohon.</p> <p>Dokumen:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Borang A ii. Borang B
Pendaftar/ Penghantar Notis	<p>Pendaftar pastikan Penghantar Notis serah Borang A, Borang B dan perintah asal kepada pihak-pihak (jika berkaitan).</p>	<p>Pendaftar pastikan Penghantar Notis serah Borang A, Borang B dan perintah asal kepada pihak-pihak yang perlukan penyampaian /pelaksanaan (jika berkaitan).</p>

BORANG A

Borang Perintah Bersaling ini dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah Perak yang kompeten mengendors perintah asal, menyampaikan dan melaksanakan perintah ke atas defendan / responden

**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI/ RENDAH SYARIAH DI.....
DI DALAM NEGERI.....MALAYSIA
PERMOHONAN NO:.....**

.....
No.KP.....

PEMOHON

DI HADAPAN HAKIM/ PENDAFTAR
YA/ TUAN/ PUAN

PADA (Tarikh Masihi)
(Tarikh Hijri)

DALAM KAMAR

PERINTAH BERSALING

Permohonan ini telah disebut pada hari ini dengan kehadiran Pemohon. SETELAH MENDENGAR KETERANGAN Pemohon dan Mahkamah ini berpuas hati dengan keterangan tersebut dan dokumen berkaitan,

MAKA DENGAN INI Mahkamah memerintahkan seperti yang berikut:

1. Mahkamah meluluskan permohonan Pemohon berdasarkan seksyen 39(3) Enakmen Mahkamah Syariah (Perak) 2018.
2. Mahkamah memerintahkan Perintah/ Penghakiman/ Permohonan No.....(No. kes perintah/ penghakiman asal) bagi tindakan ini hendaklah diendors dan disampaikan kepada (nama responden/ defendan), No. Kad Pengenalan..... melalui Mahkamah ini iaitu Mahkamah Tinggi/ Rendah Syariah(Mahkamah yang berbidang kuasa dan akan melaksanakan penyampaian).

Dikeluarkan di bawah meterai dan tandatangan Mahkamah ini pada

Meterai

.....

Hakim/ Pendaftar

BORANG B

BORANG PENGENDORSAN PERINTAH BERSALING

Borang ini dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah Perak yang menerima permohonan perintah bersaling

Mahkamah perintahkan seperti Perintah / Penghakiman YAA / YA / Tuan / Puan Hakim yang mengeluarkan Perintah / Penghakiman Asal No. kes di Mahkamah Tinggi/ Rendah Syariah di.....Di Negeri..... Bertarikh.....

.....

YAA/ YA/ Tuan/ Puan

Hakim

Mahkamah Rayuan/ Tinggi/ Rendah Syariah

Negeri.....

Tarikh.....